



"Mari hentikan semua ini"

Mukadimah

DATUK Seri Radzi Sheikh Ahmad mengakui tugasnya sebagai Setiausaha Agung UMNO, menguruskan pentadbiran sebuah parti yang besar, bukanlah satu kerja yang mudah. Kerja yang tidak mudah itu dilihat bertambah berat sejak kebelakangan ini apabila bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang juga bekas presiden parti itu semakin hebat mengkritik pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Tidak ada sesiapa yang boleh mengatakan bahawa dia sudah menjangkakan perkara seperti ini akan berlaku. Kita tidak boleh lari daripada masalah ini," kata Radzi.

Dalam wawancara bersama **ZAINI HASSAN, HASSAN MOHD. NOOR** dan **NOOR AZAM SHAIRI** di pejabatnya di Putrajaya lewat petang Rabu lalu, beliau mengakui bahawa isu Tun Dr. Mahathir tidak boleh dibiarkan berpanjangan kerana ia boleh memberikan kesan dalam pilihan raya umum nanti.

Dalam pertemuan hampir 90 minit itu, Radzi memberikan pandangannya mengenai kemelut yang sedang melanda UMNO sekarang melalui pengalaman peribadinya-sebagai anak bekas Menteri Besar Perlis, Tan Sri Sheikh Ahmad Mohd. Hashim dan perjalanan karier politiknya pernah duduk di dalam dan di luar UMNO.

Radzi terlibat dalam Team B semasa krisis parti tahun 1987-88, keluar daripada parti untuk menyertai Parti Semangat 46 sebelum bersara daripada politik pada Oktober 1990. Pada Mac tahun 1991, beliau kembali ke dalam UMNO. Beliau dilantik menganggotai Kabinet pentadbiran Abdullah selepas pilihan raya 2004, dan kemudiannya diberikan tanggungjawab menguruskan UMNO.

Ketika ditanya apakah UMNO bersedia untuk berhadapan dengan pilihan raya sekiranya kemelut ini tidak selesai, Radzi menjawab: "Saya berdoa setiap hari agar isu ini segera selesai. Saya akan terus berdoa ada orang yang akan tampil untuk berjumpa dengan Tun dan membantu menyelesaikan masalah ini."

Dalam pada itu, Radzi yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengingatkan bahawa isu ini bukan masalah UMNO dan orang Melayu saja. "Kalau ini hanya masalah UMNO sekalipun, ia tetap menjadi masalah semua pihak kerana Presiden UMNO ialah Perdana Menteri," tegasnya.

MINGGUAN. Bagaimana Datuk Seri melihat kemelut antara Pak Lah dan Tun Dr. Mahathir ini?

RADZI: Kemungkinannya rasa tidak senang hati Tun ini telah bermula lama. Malah saya fikir sejak daripada pilihan raya umum 2004 apabila orang ramai memuji kemenangan Pak Lah yang mendapat mandat besar - gelombang Pak Lah, *Mr. Clean* dan sebagainya. Saya sendiri kalau duduk di tempat Tun mungkin akan terasa juga. Kalau Pak Lah itu *Mr. Clean* apakah beliau (Tun) itu *Mr. Dirty*, misalnya?

Itu mungkin bibit-bibitnya. Ini ditambah pula dengan beberapa hal yang berlaku selepas itu misalnya pembebasan Anwar Ibrahim dan projek-projek yang terpaksa dikaji semula. Ini semua menokok tambah rasa tidak senang itu. Tetapi keputusan mengkaji semula projek-projek itu adalah sesuatu yang terpaksa kerajaan lakukan, sama seperti yang dilakukan oleh pentadbiran sebelum ini dengan mengambil kira keadaan semasa

Pada masa ini, harga minyak yang meningkat begitu tinggi jauh berbeza dengan harga pada waktu Tun mentadbir. Ia memberikan kesan kepada cara hidup dan kerajaan terpaksa menyesuaikan pengurusannya mengikut keadaan. Kalau kita sendiri terpaksa menyesuaikan gaya hidup, kerajaan apatah lagi.

Hal-hal ini semuanya kepada saya mungkin memberikan kesan kepada Tun. Keadaan tidak jadi lebih elok apabila orang (rakan-rakan dalam Kabinet dahulu) tidak pergi berjumpa dengan Tun. Saya tidak bolehlah kerana saya ini baru dalam Kabinet tetapi mereka yang lama. Ini samalah seperti orang tua kita sendiri kalau dia duduk di kampung seorang, tidak ada orang datang menjenguk, dia tentulah rasa sunyi.

Datuk Seri mengatakan apa yang dilakukan oleh Dr. Mahathir boleh memberikan kesan kepada parti. Kesan yang dimaksudkan itu biasanya hanya boleh diukur apabila ada pilihan raya umum. Apakah ada bukti-bukti bahawa ia menjejaskan parti sekarang?

RADZI: Dari segi pengalaman sendiri, saya tahu kalau ia berlarutan sehingga pilihan raya akan datang, ia akan membawa kesan yang hebat. Ini bukan saja dari segi persiapan menghadapi pilihan raya tetapi turut memberikan kesan kepada negara. Kerajaan ada banyak urusan yang harus diselesaikan, Rancangan Malaysia Kesembilan misalnya dan tidak lama lagi kita mahu merangka belanjawan untuk dibentangkan.

Saya sendiri ada banyak perancangan yang hendak dibuat pada peringkat kementerian yang kecil ini, apalagi kementerian-kementerian lain yang lebih besar. Kami semua ada perancangan yang banyak untuk negara, dan kami tidak mahu terganggu dengan hal-hal seperti ini - susah hendak beri tumpuan. Saya lebih teruk lagi kerana secara kebetulan memegang jawatan setiausaha agung parti.

Saya tahu kalau perkara ini berlarutan ia akan memberikan kesan kepada parti.

Bagaimanakah keadaannya kalau dibandingkan dengan cabaran pada tahun 1999? Ada yang merasakan ia lebih sukar.

RADZI: Mungkin juga, tetapi saya tidak harap itu berlaku. Kita mahu ia diselesaikan secepat mungkin. Saya tahu, pada jangkaan saya, kalau ia dibiarkan berterusan cabarannya mungkin lebih teruk daripada 1999 tetapi mungkin juga tidak seteruk itu.

Bagaimanakah senario sekarang ini kalau dibandingkan dengan krisis tahun 1987 ketika separuh daripada anggota Kabinet memihak kepada Team B (yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh Hamzah)?

RADZI: Tun Dr. Mahathir ini seorang negarawan, yang disanjung di peringkat antarabangsa. Beliau telah membawa banyak kemajuan kepada negara sepanjang 22 tahun memerintah. Kepada rakyat Malaysia, yang berumur lebih kurang 45 tahun ke bawah mereka tidak kenal Perdana Menteri lain selain Dr. Mahathir. Mereka sudah terbiasa dengan gaya kepimpinannya. Apabila orang seperti itu sekarang mula mengkritik kerajaan dan jadi seperti pembangkang, susahlah.

Krisis tahun 1987 adalah masalah dalaman parti - tidak berkait dengan pihak lain - apabila kita sesama kita dalam parti menunjukkan kepada ahli bahawa "aku boleh buat sesuatu yang lebih baik". Tetapi keadaan sekarang lain kerana ia melibatkan kritikan terhadap kerajaan, bukannya parti dan secara khusus merujuk kepada pemimpin parti yang telah diberikan mandat oleh rakyat Malaysia moden daripada pelbagai kaum - mandat yang tidak pernah dilihat dalam sejarah pilihan raya umum sejak merdeka

Mandat itu adalah harapan rakyat tetapi apabila Pak Lah baru mula hendak bekerja melaksanakan harapan itu, ini pula yang berlaku.

Datuk Seri kata hal ini harus diselesaikan. Apakah formula penyelesaiannya?

RADZI: Hati Tun Dr. Mahathir itu sendiri. Kita kena cari orang yang dapat (bercakap) sampai ke hati Tun - mungkin kawan-kawan yang rapat dengan beliau.

Siapakah orang itu?

RADZI: Kita sedang berusaha mencari. Kalau Tun kata beliau mahu bercakap dengan saya saya akan pergi. Tidak ada masalah. Saya pun bukanlah orang asing kerana beliau kenal rapat dengan ayah saya

Apakah orang itu bukan Perdana Menteri?

RADZI: Kalau melihat apa yang berlaku setakat ini, saya rasa susah untuk Pak Lah sendiri yang pergi berjumpa dengan Tun. Tetapi saya yakin, mengenali Pak Lah, kalau beliau sendiri yang terpaksa pergi berjumpa

dengan Tun, beliau akan pergi.

Itulah yang barangkali mahu dilihat oleh rakyat - kedua-dua pemimpin itu bersemuka dan berbincang dari hati ke hati, sebagai sebuah keluarga. Apa pandangan Datuk Seri?

RADZI: Itu saudara kena tanya Pak Lah. Kalau saudara-saudara tanya kepada saya, jawab saya begini. Kalau itu yang harus Pak Lah lakukan; saya percaya itulah yang akan beliau lakukan.

Inilah formula yang saya lihat setakat ini - orang yang dekat dengan hati Tun. Tetapi saya mungkin salah, saya tidak tahu. Pada masa yang sama, Tun hendaknya janganlah membiarkan dirinya dipergunakan oleh orang lain yang bukan hendak mencari penyelesaian tetapi hanya mahu memburukkan keadaan. Mereka ini bukannya hendak membantu.

Itu sebabnya saya merayu kepada Tun, merayu sangat-sangat, supaya jangan melibatkan diri dan bergerak dengan mereka ini.

Tetapi kalau bahagian-bahagian UMNO sendiri menjemput Tun bagaimana?

RADZI: Kalau bahagian-bahagian UMNO menjemput Tun untuk beliau menghentam kerajaan dan Perdana Menteri, tidak bolehlah. Apabila ini berlaku, ia akan menyebabkan ahli-ahli parti keliru.

Apakah parti akan mengambil tindakan kepada bahagian-bahagian yang menganjurkan majlis untuk Tun?

RADZI: Kita tidak akan larang, kita tidak pernah melarang tetapi ini terpulang kepada budi bicara bahagian itu sendiri. Tetapi saya hendak merayu kepada Tun supaya menghentam siri ceramahnya dan sama-sama kita mencari penyelesaian kepada kemelut ini.

Bahagian-bahagian UMNO pun saya nasihatkan tidak usahlah cuba merosakkan suasana dengan mengeruhkan lagi keadaan, memberi ruang kepada Tun untuk menghentam UMNO di hadapan ahli-ahli UMNO. Ini tidak elok.

Saya hendak ulang sekali lagi rayuan saya, hentikanlah semua ini. Marilah kita bekerja untuk mencari penyelesaiannya. Kalau Tun mahu berjumpa dengan Pak Lah sekalipun, beritahulah kepada saya. Saya minta sangat ini semua dihentikan. Kita semua masih dalam satu parti yang pernah Tun sendiri memimpinnya.

Ada orang melihat ini ujian kepada UMNO menerima kritikan dan pandangan yang berbeza.

RADZI: Kita tidak ada masalah dengan kritikan. Apabila Tun tanya kita beri jawapan tetapi beliau masih tidak menerimanya. Apa yang saya katakan dalam wawancara ini pun barangkali mungkin akan menjadi peluru untuk beliau menghentam saya pula. Apa boleh buat, saya terpaksa terima.

Kalau kita lihat laporan baru-baru ini, Tengku Razaleigh, orang yang pernah menentang Tun, menasihatkan parti supaya jangan meminggirkan bekas Perdana Menteri itu dan cuba berbaik semula. Beliau juga mencadangkan supaya diadakan satu perhimpunan khas untuk memberi peluang kepada Tun bercakap. Apa maksudnya ini?

RADZI: Kita sendiri tahu apa yang boleh berlaku dalam perhimpunan seperti itu (ketawa). Ia terlalu berisiko. Saya rasa apa yang saya cadangkan itu lebih

“ Marilah kita bekerja untuk mencari penyelesaiannya. Kalau Tun mahu berjumpa dengan Pak Lah sekalipun, beritahulah kepada saya. Saya minta sangat ini semua dihentikan. Kita semua masih dalam satu parti yang pernah Tun sendiri memimpinnya

- Radzi Sheikh Ahmad

sesuai - kita hantar prang pergi berjumpa dengan Tun dan berbincang; siapa orangnya kita tidak tahu.

Orang itu mestilah orang yang Tun boleh dengar suaranya dan boleh meluahkan pandangannya. Kalau saya yang diminta untuk melakukannya, saya akan pergi. Saya tidak ada rugi apa-apa. Saya sayang kepada parti, dan saya akan pergi.

Tentang pilihan raya. Datuk Seri menyebut kebimbangan isu berlarutan dan boleh menjejaskan parti untuk masuk ke pilihan raya. Dalam pada itu, UMNO juga akan ada pemilihan parti pada tahun depan. Apakah pemilihan parti itu akan ditangguhkan sehingga selepas pilihan raya?

RADZI: Kita belum membincangkan hal itu, masanya belum sampai lagi. Tahun depan dijangka tahun pemilihan UMNO, mengikut perkiraan mandat yang ada. Dalam Perlembagaan UMNO memang ada peruntukan bahawa pemilihan itu boleh ditangguhkan sehingga 18 bulan. Masih lambat lagi.

Kebimbangan saya mengenai pilihan raya itu, saya hendak betulkan, bukanlah tentang UMNO tetapi parti-parti pembangkang yang akan mengambil kesempatan mengelirukan rakyat, dan mendapat *mileage* yang banyak. Mereka sebenarnya tidak ada apa-apa isu untuk dimainkan. Apa isu yang ada? Harga minyak? Harga minyak dunia memang naik. Mereka tidak ada isu tetapi apabila jadi seperti sekarang mereka pun berkipsalah seperti orang jual sate.

Itu sebabnya orang yang mengelilingi Tun sekarang ini terdiri daripada pembangkang, seperti di Kelantan baru-baru ini. Mereka yang hadir dalam ceramahnya di Hotel Perdana itu pun kebanyakannya pembangkang.

Tentang siri penerangan yang sedang berjalan. Apakah ia berkesan?

RADZI: Mula-mula kita beri penerangan atas apa yang Tun hendak. Kita beri penerangan berdasarkan fakta-fakta yang ada daripada surat-menyurat dan sebagainya. Tetapi akhir-akhir ini keadaan sudah berubah apabila Tun mula menghentam pentadbiran kerajaan, semuanya dihentam seolah-olah beliau sudah jadi pembangkang.

Ini pun kita beri penerangan tetapi masih berasaskan kepada fakta, tidak boleh *exaggerate*. Saya pegang kuat kepada kepercayaan bahawa kalau kita berjuang atas kebenaran, kita tidak perlu bimbang.

Ada laporan mengatakan sesi penerangan itu tidak meyakinkan ahli-ahli UMNO.

RADZI: Mungkin ia terlalu *legalistic* dan *factual*. Orang tidak seronok dengar itu semua. Dalam keadaan sekarang kalau ada pilihan antara ceramah Ibrahim Ali dan Annuar Musa, tentu orang pergi kepada Ibrahim Ali kerana hendak seronok dengar cerita bukannya hendak dengar penerangan yang benar. Ini biasa.

Itulah sebabnya saudara-saudara dapat maklumat

bahawa sesi penerangan itu tidak begitu berkesan. Orang pergi hendak dengar yang seronok-seronok sahaja, bukan hendak dengar fakta. Tetapi kita akan terus memberikan penerangan, selagi ia diperlukan. Itu tugas (Ketua Penerangan) Tan Sri Muhammad Muhd. Taib.

Apakah yang dibangkitkan oleh Tun itu sesuatu yang *legitimate* atau kerana ia disuarakan oleh Tun maka orang merasakan "takkanlah tidak betul"?

RADZI: Kita ambil soal jambatan. Saya ada latar belakang undang-undang, dan ada pemahaman yang jelas tentang hal itu. Saya tahu bahawa Tun tidak ada fakta-fakta yang sepenuhnya, kerajaan sebaliknya ada dokumen-dokumen yang berkaitan.

Semasa Singapura menambak tanah dalam kawasan perairannya, Malaysia membawa pertikaian itu ke peringkat antarabangsa (Tribunal Antarabangsa Undang-undang Laut di Hamburg, Jerman). Tribunal memutuskan bahawa walaupun Singapura melakukan tambakan dalam kawasan perairannya, ia mesti mengambil kira hak negara jiran. Singapura sudah membelanjakan lebih kurang S\$100 juta, projeknya sudah berjalan tetapi terpaksa dihentikan.

Apabila kita sekarang mahu membina jambatan separuh dalam kawasan perairan kita sendiri, Singapura juga mengemukakan hujah yang sama. Kita tidak boleh buang separuh Tambak Johor itu melainkan dengan persetujuan Singapura, sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian bersama. Jadi tidak ada sebab kita boleh menyambungkan jambatan itu nanti dengan Tambak Johor tanpa persetujuan Singapura.

Kita boleh bina jambatan itu tetapi nantinya tidak boleh sambung. Bagaimana hendak sambung selagi Singapura kata tidak boleh? Memang pada awalnya Singapura setuju tetapi kemudiannya ditarik balik. Kita ada surat-surat itu. Kita tidak menawarkan kepada Singapura tanah dan ruang udara, buat apa?

Kedudukan undang-undang itu bukanlah sesuatu yang baru. Kalau ada masalah perundangan, kenapa projek itu dimulakan, kemudian ditangguh, disambung semula dan dihentikan?

RADZI: Tun pernah dinasihatkan mengenai kedudukan undang-undang itu tetapi beliau tidak mahu dengar. Dari segi undang-undang, ia memang tidak boleh dilakukan.

Kenapa kerajaan tidak menggunakan hubungan diplomatik yang baik antara Perdana Menteri dengan Singapura untuk meneruskan projek itu?

RADZI: Hubungan yang baik itulah yang mereka (Singapura) gunakan untuk meminta pasir.

Apakah timbul soal hendak menjual pasir dan memberikan ruang udara kepada Singapura sepanjang proses rundingan selama ini?

RADZI: Tidak ada. Tidak ada langsung.

"Budaya politik dalam UMNO ini bukan baru"

BAGAIMANAKAH penerimaan ahli-ahli UMNO terhadap isu ini secara keseluruhannya?

RADZI: Mereka keliru. Mereka melihat Tun sebagai orang yang sangat mereka kagumi dan tertanya-tanya apa sebenarnya yang berlaku. Saya sendiri tidak tahu kenapa Tun buat semua ini. Apakah negara ditadbir dengan terlalu buruk sekarang? Apakah Pak Lah terlalu korup sehingga anak dan menantunya mengaut semua benda?

Kalau kita mahu mengenali Pak Lah, bacalah semula puisinya, *Kucari Damai Abadi*. Itulah Pak Lah. Rakyat pun tahu, dan kerana itulah mereka memberikan keyakinan kepada beliau (dalam pilihan raya). Apatah lagi selepas itu Pak Lah megelaskan kepada rakyat supaya jangan bekerja untuk dia tetapi bekerja bersamanya

Cuma stailnya berbeza, tidak sama macam Tun. Semasa Tun mengambil alih kepimpinan daripada Tun Hussein Onn sebelum ini pun begitu juga Allahyarham berkecil hati, dan akhirnya berlawan juga dengan Tun. Tunku Abdul Rahman (dengan Tun Abdul Razak) dulu pun serupa juga

Adakah perkara ini berlaku disebabkan Tun merasakan beliau dipinggirkan? Walaupun beliau kata beliau tidak mahu terlibat dalam pentadbiran tetapi sedikit sebanyak idea dan buah fikirannya masih boleh dirujuk untuk pembangunan negara.

RADZI: Mungkin juga. Kita jangan salah faham dan kata beliau diketepikan. Kita beri beliau pelbagai kemudahan - pengawal peribadi, kereta, pejabat dan pada masa yang sama,

dilantik sebagai penasihat beberapa syarikat dan agensi milik kerajaan.

Tetapi mungkin juga kerana orang terlupa hendak rapat dengannya, pergi (ziarah) berbual-bual dan minum teh bersama... maksud saya menteri-menteri yang kanan.

Kenapa jadi begitu?

RADZI: Kalau kita renung semula, mungkin ini satu kesilapan dan inilah yang menjadi bibit-bibit rasa tidak senang hatinya itu. Saya boleh faham apa yang dirasakan oleh Tun itu. Ayah saya dahulu pernah jadi Menteri Besar Perlis selama 12 tahun (pada tahun 1960-an). Apabila berhenti, beliau rasa sunyi.

Kadang-kadang beliau naik kereta dengan pemandunya, berhenti di sekolah dan merungut kepada guru besar tentang keadaan bangunan sekolah. Beliau selalu rasa mahu terlibat. Jadi saya boleh faham mungkin itu agaknya yang Tun rasakan.

Tun biasa memimpin selama 22 tahun. Dalam tempoh itu, beliau buat apa yang beliau suka dan tiba-tiba kuasa itu tiada. Selepas itu, tiada siapa pula yang datang berjumpa dengannya bertanyakan pendapat dan sebagainya. Orang pula asyik bercakap tentang Pak Lah dan stail kepimpinan mereka yang berbeza - tentulah beliau berasa kecil hati.

Adakah ini ada kaitannya dengan budaya politik dalam parti?

RADZI: Mungkin kerana kita tidak biasa menerima seorang pemimpin yang duduk begitu lama; pemimpin lain biasanya sekejap saja. Apabila beliau berhenti, kita pun terlupa

kepadanya Mungkin, saya kata mungkin.

Tetapi budaya UMNO memang begitu. Kalau hari ini seseorang itu berhenti daripada menjadi wakil rakyat, orang akan terus lupa - dalam senarai protokol pun tidak ada lagi.

Saya sendiri pun harus terima keadaan ini. Sekarang tidak mengapalah kerana saya seorang menteri dan kebetulan pula jadi setiausaha agung parti tetapi suatu hari nanti, saya akan melalui hal yang sama. Saya pernah melaluinya sebelum ini, sebagai seorang yang pernah duduk di dalam dan di luar kerajaan. Masa itu kalau saya pergi ke pejabat pos, kerani pos pun tidak kenal saya. Saya sudah melaluinya, dan saya menerima keadaan itu.

Tun sendiri dalam beberapa ucapannya ada menyebut tentang budaya politik baru dalam parti. Apa budaya itu?

RADZI: UMNO memang begitu. Jangan kata sekarang, dahulu pun memang begitu. Semasa saya dalam Team B, orang tidak berani berjumpa saya. Kalau nak berjumpa di rumah, mereka takut hendak datang - jauh-jauh malam baru datang kerana takut orang tengok

Ini memang budaya UMNO, bukan baru ini saja. Semasa zaman Tun dulu pun begitu. Saya sendiri ada pengalaman. Siapa pun tidak berani hendak berjumpa, bercakap dengan kita pun takut juga kalau kita sudah tidak ada jawatan.

Apakah budaya ini diterapkan?

RADZI: Ini bukan budaya yang diterapkan tetapi budaya semula jadi.

Bagaimana hendak mengatasi budaya

ini?

RADZI: Perangai manusia itu sendirilah yang harus dibetulkan, tunjuk sifat yang baik. Saya sendiri kalau kenangkan apa yang orang buat kepada saya dulu, saya boleh *action* dengan semua orang. Tetapi saya tidak mahu kerana mengenangkan nama baik ayah saya dan telah lama dalam politik, saya layan jugalah semua.

Pak Lah sendiri pun begitu juga. Suatu masa dulu, semasa Pak Lah tiada jawatan dalam parti selepas kalah dalam pemilihan Naib Presiden, tiada sesiapa pun yang kisahkan beliau.

Apakah budaya itu sekarang ini dikukuhkan dengan pelbagai arahan yang datang dari pejabat UMNO mengenai jempukan terhadap Tun?

RADZI: Tidak, itu bukan arahan. Saya cuma memperingatkan bahagian-bahagian apa yang sepatutnya mereka buat apabila bermesyuarat. Ini peringatan yang biasa kita lakukan setiap kali tiba waktu mesyuarat.

Keputusan itu pun (tidak boleh menjemput pemimpin selain daripada ahli Majlis Tertinggi dan menteri Kabinet untuk merasmikan mesyuarat bahagian) bukan saya yang buat tetapi sudah ada semasa zaman Tun lagi. Pada musim pemilihan, hanya ketua bahagian yang boleh merasmikan.

Dalam keadaan sekarang ini, bagaimana?

RADZI: Ia terbuka kepada ahli MT dan semua menteri Kabinet, bukan terhad kepada menteri daripada UMNO saja. Ini tidak ada dalam perlembagaan tetapi hanya satu peraturan yang dibuat oleh MT.

"Saya sendiri tidak tahu kenapa Tun buat semua ini. Apakah negara ditadbir dengan terlalu buruk sekarang? - Radzi Sheikh Ahmad